

05/12/2000

Bank rayu tempoh laksana penggabungan dilanjutkan

Azli Ayob; Zainab Mohd Yatim

BEBERAPA bank yang belum cukup bersedia menyelesaikan proses penggabungan masing-masing sebelum 31 Disember ini, meminta Bank Negara menimbang kemungkinan melanjutkan tarikh tamat untuk mereka berbuat demikian.

Dengan hanya tinggal 21 hari lagi untuk menyelesaikan penggabungan itu, beberapa bank yang akan menjadi entiti teras kini dikatakan menghadapi kesukaran memenuhi tarikh akhir penggabungan yang ditetapkan.

Menurut sumber yang rapat dengan proses penggabungan itu, bank pusat dan bank yang akan bergabung masih mengadakan pertemuan dengan lebih kerap bagi membincangkan perkara berkenaan secara lebih terperinci.

"Daripada pertemuan itu, ada di antara beberapa bank yang meminta supaya tarikh akhir 31 Disember yang ditetapkan, dilanjutkan bagi membolehkan mereka cukup bersedia," katanya.

Perkara itu diperkukuhkan lagi dengan kenyataan Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz, baru-baru ini yang tidak menolak kemungkinan bank pusat akan melanjutkan tarikh akhir penggabungan.

Bagaimanapun, Perbendaharaan dalam kenyataan dua perenggan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam menegaskan bahawa tarikh penyelesaian penggabungan tetap dikekalkan pada 31 Disember ini.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, dalam kenyataan itu berkata, tiada sebarang perubahan dibuat pada tarikh akhir yang sudah ditetapkan sebelum ini.

Menurutnya, kenyataan Zeti itu sekadar memberitahu "bahawa keperluan melanjutkan tarikh akhir itu akan hanya dibuat pada tarikh akhir itu sendiri iaitu 31 Disember ini, jika perlu".

Mengulas laporan The Edge, semalam yang menyatakan Bank Negara mungkin melanjutkan tarikh akhir itu kepada 31 Mac depan, sumber itu berkata, laporan berkenaan lebih bersifat mereka-reka isu kononnya penggabungan mungkin tidak sempat dilakukan.

Laporan itu juga mendakwa beberapa bank teras sudah pun dimaklumkan oleh Bank Negara mengenai keputusannya untuk memberi lanjutan kepada tarikh akhir penggabungan terbabit.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika diminta mengulas perkara yang sama semalam, berkata, terserah kepada Bank Negara untuk memutuskannya.

Sementara itu, beberapa bank yang dihubungi termasuk Utama Banking Group yang dikatakan menghadapi kesukaran memuktamadkan penggabungannya dengan Kumpulan Perbankan Arab-Malaysian, memberitahu tiada menerima surat berkenaan.

EON Bank Bhd pula dalam satu kenyataan semalam menjelaskan bahawa ia tiada menerima sebarang surat daripada Bank Negara memaklumkan mengenai lanjutan tarikh akhir penggabungan seperti yang dilaporkan The Edge itu.

Bank itu berkata, ia sudah mendapat semua kelulusan daripada pihak berkuasa bagi penggabungannya dengan Oriental Bank Bhd, Malaysian International Merchant Bankers Bhd, Perkasa Finance Bhd dan City Finance Bhd.

Perwira Affin Bank Bhd, yang juga tidak tahu-menahu mengenai surat itu sekadar menjelaskan penggabungannya dengan BSN Commercial adalah lancar dan mengikut jadual.

Sumber rapat Maybank pula berkata, pihaknya juga bersedia menyelesaikan penggabungannya mengikut jadual dan akan beroperasi di bawah entiti baru awal tahun depan.

(END)